



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



يَاسَاسَن تَرَغَغانو
YAYASAN TERENGGANU

BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KETERANGAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempelawa murid lepasan **Tingkatan Tiga (3) Tahun 2020** untuk memohon program yang ditawarkan bagi ambilan 2021 seperti berikut:

1. Al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab merupakan penggabungan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dengan Program Ulul Albab yang menawarkan pengajian turath bagi murid-murid aliran sains tulen pada peringkat menengah atas;
2. Matlamat penawaran pakej mata pelajaran al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab adalah sebagai nilai tambah kepada pengenalan asas pengajian turath disamping penguasaan hafazan 30 juzuk bagi murid-murid aliran sains tulen; dan
3. Pelaksanaan al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab merupakan usaha KPM untuk memberi peluang kepada murid-murid cemerlang menggabung jalin ilmu agama dan ilmu sains secara holistik yang menyatukan sains *revelational* (ilmu *Naqli*) dan sains rasional (ilmu *'Aqli*) bagi melahirkan generasi ulama yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang mengikut acuan Malaysia yang menghayati konsep Maqasid Syariah.

SISTEM PENDIDIKAN IMTIAZ

1. Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu Besut merupakan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di bawah kelolaan Yayasan Terengganu.
2. Sebagai salah sebuah sekolah di bawah agensi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sistem pendidikan imtiaz ini diwujudkan untuk merealisasikan matlamat KPM dalam melahirkan modal insan yang berdaya saing dan berdaya maju.
3. Sistem pendidikan imtiaz digubal berteraskan aliran sains, tahfiz dan turath untuk melahirkan murid yang pakar dalam bidang agama dan profesional bagi merealisasikan hasrat kerajaan menterjemahkan konsep *Maqasid Syariah* dalam pentadbiran dan urus tadbir negara Malaysia.

LOKASI PENGAJIAN

Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu Besut,
Kompleks Sekolah Menengah Imtiaz,
Yayasan Terengganu Besut & Kota Putra,
22200 Besut Terengganu

**PANDUAN KEMASUKAN MURID AL-SYAHADAH AL-ULYA ULUL ALBAB
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
TINGKATAN 4 AMBILAN 2021**

UJIAN KHAS KEMASUKAN MURID AL-SYAHADAH AL-ULYA ULUL ALBAB

1. Pemohon yang memilih mengikuti pengajian al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab hendaklah menduduki Ujian Kemasukan Murid al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab Kementerian Pendidikan Malaysia Tingkatan 4 Ambilan 2021;
2. Ujian ini terbuka kepada semua murid berdasarkan syarat-syarat permohonan yang telah ditetapkan;
3. Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan menduduki ujian ini secara dalam talian di laman sesawang <https://ytklik.terengganu.gov.my> mulai **25 Oktober 2020 hingga 6 November 2020 (tarikh akhir telah dilanjutkan sehingga 13 November 2020)**;
4. Ujian ini akan dilaksanakan di pusat-pusat ujian terpilih yang ditentukan oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri;
5. Pemohon yang hadir untuk menduduki ujian ini hendaklah **membawa dokumen** seperti yang berikut:
 - a. salinan keputusan akhir Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan peperiksaan akhir tahun yang telah disahkan; dan
 - b. buku rekod hafazan al-Quran yang telah disahkan oleh pihak sekolah.
6. Ujian ini merupakan kaedah pemilihan calon untuk menduduki Ujian Temu Duga Kemasukan Murid al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab Kementerian Pendidikan Malaysia Ambilan 2021.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Calon-calon hendaklah:

1. Warganegara Malaysia yang berumur tidak melebihi 16 tahun pada 1 Januari sesi persekolahan tahun 2021;
2. Murid yang mengikuti Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) KPM dari sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia, sekolah-sekolah Jabatan Agama Islam Negeri, Majlis Agama Islam Negeri, Yayasan Negeri dan sekolah-sekolah swasta yang berdaftar dengan Bahagian Pendidikan Swasta dan Jabatan Agama Islam Negeri;
3. Mengikuti Ujian Kemasukan Murid Al-Syahadah Al-Ulya Ulul Albab (UKM SUUA) Kementerian Pendidikan Malaysia;
4. Memperolehi keputusan Peperiksaan Akhir Tahun (PAT) 2020 dengan pencapaian minimum seperti berikut:
 - a. memperolehi gred A dalam mata pelajaran seperti berikut:
 - i. Bahasa Melayu,
 - ii. Pendidikan Islam,
 - iii. Hifz al-Quran,
 - iv. Maharat al-Quran, dan
 - v. Bahasa Arab
 - b. mendapat sekurang-kurangnya gred B dalam mata pelajaran Sains dan Matematik;

5. Telah menghafaz al-Quran sekurang-kurangnya 15 juzuk yang diperakukan oleh pihak sekolah;
6. Calon akan melalui proses temu duga secara dalam talian dengan menggunakan platform aplikasi *Google Meet* dalam peranti seperti komputer/komputer riba/telefon pintar;
7. Pemilihan calon juga dinilai berdasarkan pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kesihatan (PAJSK); dan
8. Mempunyai tubuh badan yang sihat untuk mengikuti pengajian ini sepenuhnya sehingga tamat tingkatan lima (5).

SEMAKAN CALON LAYAK TEMU DUGA

1. Maklumat berkaitan status permohonan yang berjaya dipanggil temu duga akan dimaklumkan melalui laman sesawang <https://ytklik.terengganu.gov.my>; dan
2. Calon yang berjaya dalam temu duga al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab boleh menyemak keputusan temu duga melalui laman sesawang <https://ytklik.terengganu.gov.my>.

UJIAN KEMASUKAN MURID AL-SYAHADAH AL-ULYA ULUL ALBAB KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TINGKATAN 4 AMBILAN 2021

1. MATEMATIK

Masa menjawab : 30 minit
Jumlah soalan : 20 soalan objektif

2. BAHASA INGGERIS

Masa menjawab : 30 minit
Jumlah soalan : 20 soalan objektif

3. SAINS

Masa menjawab : 30 minit
Jumlah soalan : 20 soalan objektif

4. BAHASA ARAB

Masa menjawab : 30 minit
Jumlah soalan : 20 soalan objektif

5. AL-QURAN

Masa menjawab : 30 minit
Jumlah soalan : 20 soalan objektif

6. KECENDERUNGAN PERSONALITI

Masa menjawab : 15 minit
Jumlah soalan : 50 soalan objektif

UJIAN TEMU DUGA KEMASUKAN MURID AL-SYAHADAH AL-ULYA ULUL ALBAB KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TINGKATAN 4 AMBILAN 2021

1. Ujian Temu Duga Kemasukan al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab Kementerian Pendidikan Malaysia Murid Tingkatan 4 Ambilan 2021 akan diadakan secara dalam talian. Maklumat temu duga akan dinyatakan dalam surat tawaran temu duga yang dicetak melalui laman sesawang <https://ytklik.terengganu.gov.my>.
2. Bidang yang akan diuji dalam ujian temu duga adalah seperti berikut:
 - a. Bahasa Arab
 - b. Hafazan Al-Quran
 - c. Pengetahuan Am

TARIKH-TARIKH PENTING

1. **Permohonan secara dalam talian**
25 Oktober 2020 – 6 November 2020 (**tarikh akhir telah dilanjutkan sehingga 13 November 2020**)
2. **Ujian Kemasukan Murid al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab Kementerian Pendidikan Malaysia Tingkatan 4 Ambilan 2021**
23 – 26 November 2020
3. **Semakan layak temu duga**
7 Disember 2020
4. **Temu duga secara dalam talian**
13-16 Disember 2020
5. **Keputusan tawaran**
28 Disember 2020
6. **Pendaftaran tawaran**
16 Februari 2021
7. **Rayuan**
16-18 Februari 2021
8. **Keputusan rayuan**
22 Februari 2021

RUJUKAN DAN PERTANYAAN

Sila hubungi alamat berikut sekiranya ada sebarang pertanyaan berkaitan permohonan:

<p>BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ARAS BAWAH & DUA NO 2251 JALAN USAHAWAN 1 63000 CYBERJAYA SELANGOR</p> <p>u.p: En. Mohammad Shariffuddin bin Jahuri Unit Dasar dan Perancangan Pendidikan Islam 03-83217281/0192335007 shariffuddin@moe.gov.my</p>	<p>YAYASAN TERENGGANU BANGUNAN YAYASAN JALAN SULTAN ISMAIL 20200 KUALA TERENGGANU TERENGGANU DARUL IMAN</p> <p>u.p: En. Wan Azman bin Wan Abdullah Bahagian Pengurusan Imtiaz 09-6221733 wanazman@gmail.com</p>
---	---